



WHO iktiraf sistem kesihatan negara

Sistem kesihatan di Malaysia juga diiktiraf mempunyai asas yang kukuh dalam menangani Covid-19

Sinar Harian - 6/9/2020
cm/s.10)
KUALA LUMPUR

“Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menghargai pengiktirafan WHO ini dan terus komited dalam memperkukuh sistem kesihatan negara bagi menjamin kesejahteraan rakyat dan kemajuan negara,” menurutnya dalam kenyataan mengenai perkembangan Covid-19 di sini semalam.

Dr Noor Hisham juga berkata, WHO dalam satu sidang media pada hari sama menegaskan bahawa vaksin adalah berkesan dalam membendung penularan penyakit seperti cacar air, polio dan sebagainya.

“Namun begitu, keberkesanan dan keselamatan vaksin adalah faktor penting dalam penggunaan vaksin.

“Perkara ini tidak boleh diambil ringan. Justeru, bagi menjamin faktor-faktor tersebut, vaksin perlu melalui beberapa ujian dan fasa,” katanya.

Beliau berkata, sehingga hari ini, masih tiada vaksin Co-



WHO mengiktiraf sistem kesihatan Malaysia dalam menangani pandemik Covid-19.

vid-19 yang disahkan berkesan dan selamat oleh WHO.

Dalam pada itu, mengulas mengenai kes positif Covid-19 di Malaysia, Dr Noor Hisham berkata, negara kembali mencatatkan satu angka dengan enam kes baharu yang merangkumi dua kes penularan dalam negara dan empat kes import.

“Dua kes penularan dalam

negara itu melibatkan warga tempatan iaitu masing-masing penambahan satu kes baharu daripada Kluster Telaga dan kes ‘Severe Acute Respiratory Infection’ (SARI) di Hospital Lahad Datu, Sabah.

“Empat kes import pula dilaporkan di Wilayah Persekutuan yang masing-masing mendapat jangkitan di Pakistan,

Angola, India dan Bangladesh melibatkan dua warga tempatan dan dua rakyat asing.

“Ini menjadikan jumlah kes positif sebanyak 9,391 kes serta jumlah kes aktif dengan kebolehjangkitan sebanyak 150 kes,” katanya.

Katanya, terdapat 21 kes pulih daripada Covid-19 semalam menjadikan jumlah kumulatif kes pulih sepenuhnya sebanyak 9,113 kes atau 97 peratus daripada jumlah keseluruhan kes.


“Sehingga kini, terdapat lima kes positif Covid-19 yang sedang dirawat di unit rawatan rapi (ICU) dengan tiga kes memerlukan bantuan pernafasan,” katanya.

Dr Noor Hisham berkata, tiada pertambahan kes kematian berkaitan Covid-19 dilaporkan semalam dan jumlah kumulatif kes kematian akibat Covid-19 di Malaysia kekal sebanyak 128 atau 1.36 peratus daripada keseluruhan kes. - Bernama

SITUASI TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA SETAKAT SEMALAM




Bilangan kes Covid-19 mengikut negeri di Malaysia



*Dikemas kini pada jam 5 petang 5 September 2020

Jumlah jangkitan Covid-19 di Malaysia semalam meningkat daripada 9,385 kes kepada 9,391 kes



JUMLAH KES BAHARU DAN SEMBUH DILAPORKAN SETIAP HARI

JUMLAH KESELURUHAN: 9,391	PULIH: 9,113	ICU: 5	KEMATIAN: 128	KES BAHARU: +6
----------------------------------	---------------------	---------------	----------------------	-----------------------

